



Anwar pada Forum Perniagaan Peringkat Tinggi Uzbekistan-Malaysia di Samarkand.

(Foto BERNAMA)

Malaysia, Uzbekistan rancang kerjasama khas bidang baharu

PM turut cadang jalin perkongsian strategik berkait kepentingan umat Islam

Samarkand: Malaysia dan Uzbekistan boleh menjalinkan perkongsian strategik khas dalam bidang baharu, khususnya berkaitan dengan kepentingan umat Islam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kedua-dua negara majoriti Islam itu boleh bekerjasama sebagai pasukan yang kuat dalam pelbagai bidang yang mempunyai minat khusus umat Islam.

“Kerjasama bukan sahaja dalam hubungan baik pembangunan halal, pensijilan halal dan industri halal, malah kita boleh bekerjasama dalam budaya dan seni ke tahap yang diselaraskan oleh menteri kanan (dari kedua-dua negara),” katanya dalam ucapan pada Forum Perniagaan Peringkat Tinggi Uzbekistan-Malaysia, di sini.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Uzbekistan, Jamshid Khodjaev.

Anwar berkata, Malaysia dan Uzbekistan juga boleh memberi tumpuan kepada pendidikan dan bidang baharu dalam digital, terutama kecerdasan buatan (AI).

“Keupayaan masa depan kita bergantung bagaimana kita membina kekuatan (bersama). Kita harus sentiasa berusaha melengkapi di antara satu sama lain,” katanya.

Anwar berkata, kerjasama di antara Malaysia dan Uzbekistan menawarkan potensi besar yang boleh mentransformasi dan memodenkan pembangunan ekonomi kedua-dua negara serta menarik pelaburan.

Beliau berkata, Malaysia, sejak satu setengah tahun lalu dilihat sebagai hab semikonduktor mikrocip di rantau Asia Tenggara menerusi banyak pelaburan daripada syarikat asing utama.

Pada 2023, perdagangan di antara Malaysia dan Uzbekistan RM451.1 juta (AS\$94.03 juta), dengan eksport ke Uzbekistan RM449 juta (AS\$93.6 juta), manakala import RM1.99 juta (AS\$414,518).

Anwar berada di Uzbekistan bagi lawatan rasmi selama tiga hari yang bermula dengan kedatangan beliau di Tashkent, ibu kota negara itu pada Jumaat.

Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Datuk Seri Tiong King Sing dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar antara sebahagian daripada delegasi Malaysia.

Perkukuh kerjasama

Dalam catatan di laman sosial semalam, Perdana Menteri berkata, kerjasama di antara negara sedang pesat membangun perlu diperkukuh agar dapat menyokong pertumbuhan ekonomi masing-masing.

Dalam konteks hubungan Malaysia dan Uzbekistan, katanya, kedua-dua negara perlu menggunakan kekuatan masing-masing untuk meningkatkan hubungan

perdagangan dan pelaburan.

“Meskipun Malaysia dan Uzbekistan banyak bergantung pada pelaburan negara besar, namun masa hadapan kita amat bergantung pada keupayaan membina kekuatan sendiri,” katanya.

Perdana Menteri berkata, pada Sabtu beliau mengetuai delegasi Malaysia menyertai Forum Perniagaan Peringkat Tertinggi Uzbekistan-Malaysia di Silk Road Samarkand Complex.

Antara yang menyertai forum itu termasuk ketua syarikat Uzbekistan dengan pendapatan tahunan melebihi RM1 bilion seperti Eriell Group, Korzinka, Orient Group, Murad Buildings dan Asklepiy Group, selain syarikat Malaysia seperti PETRONAS, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional, PROTON, Sunway Group dan Sime Darby.

Anwar juga berpandangan syarikat dan agensi di Malaysia perlu belajar daripada keupayaan Uzbekistan mencetus perubahan, pemodenan dan kemajuan ekonomi dalam tempoh singkat.

Di luar forum itu, Perdana Menteri dan Jamshid turut menyaksikan pertukaran enam memorandum persefahaman (MoU) di antara agensi kerajaan serta syarikat Malaysia dan Uzbekistan yang turut membabitkan Universiti Utara Malaysia dan Universiti Malaysia Sarawak dengan universiti tempatan.

“Insya-Allah, Forum Perniagaan Peringkat Tertinggi Uzbekistan-Malaysia ini dijangka menjana hasil eksport RM710 juta, yang bakal menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Agensi perlu mempermudah dan menyegerakan urusan perdagangan ini,” katanya. BERNAMA